

04 AUG 1996

MIC-Resolusi

MIC SERU TINGKATKAN PEMILIKAN SAHAM DAN USAHASAMA

KUALA LUMPUR, 4 Ogos (Bernama) -- Para perwakilan ke perhimpunan agung tahunan MIC ke-43 hari ini menggesa kerajaan supaya mengambil langkah-langkah positif dan konkrit bagi mempertingkatkan penyertaan kaum India di dalam sektor korporat.

Ia antara tujuh resolusi yang diluluskan pada perhimpunan selama dua hari itu yang dirasmikan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad di Pusat Dagangan Dunia Putra semalam.

Sambil menyambut baik Rancangan Malaysia Ketujuh (RM-7) dan pelancaran skim Amanah Saham 2020, perhimpunan itu juga berpendapat bahawa pertambahan penyertaan masyarakat India di dalam sektor ekonomi akan menghapuskan perbezaan di kalangan kaum-kaum di negara ini.

Mereka juga menggesa sektor swasta India supaya mengadakan lebih banyak usahasama dengan syarikat-syarikat milik kaum Bumiputera dan Cina serta berusaha untuk mendapatkan bantuan daripada Kementerian Pembangunan Usahawan untuk tujuan itu.

Para perwakilan itu juga menggesa kerajaan-kerajaan negeri supaya jangan meluluskan permohonan untuk menukar penggunaan tanah ladang melainkan pemiliknya memberikan jaminan untuk menjaga masa depan para pekerja terbabit.

Antara langkah yang mesti diambil oleh pemilik ladang terbabit ialah menempatkan semula para pekerja ke rumah-rumah kos rendah, memindahkan kuil-kuil Hindu dan sekolah-sekolah Tamil serta memberikan bayaran ganti rugi yang berpatutan kepada pekerja terbabit.

Mengenai pendidikan, para perwakilan itu meminta kerajaan supaya memberikan peruntukan yang "berpatutan dan adil" untuk pembangunan sekolah-sekolah Tamil di bawah RM-7.

Di samping itu, perhimpunan itu turut meluluskan resolusi yang menggesa kerajaan supaya memastikan golongan berpendapatan rendah diberikan perkhidmatan kesihatan percuma atau dikenakan kadar bayaran minimum apabila hospital-hospital kerajaan diperbadankan kelak.

Resolusi mengenai tempat untuk beribadat turut mendapat perhatian daripada para perwakilan itu.

Mereka meminta kerajaan-kerajaan negeri dan persekutuan supaya mengambil langkah bagi mengkaji semula "keadaan yang kurang memuaskan pada masa ini serta merangka satu dasar yang liberal mengenai agama".

Mengenai masalah sosial yang melanda masyarakat itu, para perwakilan menggesa kerajaan supaya merangka satu rancangan bertindak bagi mengatasi masalah itu. -- BERNAMA.

RV MZ RON